

12/11/2000

Taktik Barisan Bersatu Komunis hidup semula

MINGGU lepas parti pembangkang dan penyokong mereka adakan tunjuk perasaan haram di beberapa tol lebuh raya. Kiau pun tak berapa faham apa tuntutan mereka kali ini.

Minggu ini giliran penyokong Al Gore pula adakan tunjuk perasaan tapi bukanlah di plaza tol Malaysia. Mereka tunjuk perasaan di negara mereka, Amerika Syarikat.

Tapi kita semua faham tujuan mereka. Mereka tunjuk perasaan kerana tidak puas hati dengan keputusan pilihan raya presiden negara mereka.

Kalau dulu mereka kata pilihan raya negara membangun tak adil dan tak bersih, sekarang mereka kata ada penyelewengan dan penipuan pilihan raya mereka sendiri.

Tapi mereka buat tuduhan semacam itu dan adakan tunjuk perasaan hanyalah selepas calon mereka Al Gore kalah kepada Gabenor George W Bush dalam kiraan awal di negeri Florida yang jadi negeri penentu pilihan raya itu.

Kalau Gore menang, mereka tentulah tidak adakan tunjuk perasaan malah mereka akan kata rakyat buat pilihan yang tepat dan proses pilihan raya berjalan lancar.

Inilah penyakit orang yang suka tunjuk perasaan. Mereka tunjuk perasaan hanya apabila mereka kalah atau kehendak mereka tidak diikuti. Macam budak-budak yang buat ragam.

Jadi, Kiau pun tak hairan kalau ada persamaan di antara penunjuk perasaan di Malaysia dengan penyokong Al Gore di Amerika. Apatah lagi Al Gore sendiri waktu dia datang ke negara kita untuk sidang Apec 1998 kata penunjuk perasaan reformasi adalah "rakyat Malaysia yang berani."

Sekarang apabila ada kemungkinan dia kalah, penyokong dia pula yang tunjuk perasaan.

Tapi bukan itu saja. Sebagai seorang yang besar dan dewasa di zaman Perang Dingin, Kiau nampak ada persamaan di antara pakatan pembangkang sekarang dengan Barisan Bersatu Komunis atau dalam bahasa Inggeris, Communist United Front.

Barisan Bersatu Komunis adalah pertubuhan terpenting pergerakan komunis di Asia Tenggara, khasnya selepas Perang Dunia Kedua. Melalui barisan ini, komunis menyusup masuk ke dalam pertubuhan politik dan sivil dan seterusnya menguasai badan-badan itu.

Konsep Barisan Bersatu Komunis ini mudah saja, iaitu mereka bergabung dan bekerjasama bukan kerana mereka setuju antara satu sama lain tapi kerana ada musuh yang hendak ditentang. Sebelum merdeka, musuh bersama itu ialah penjajah.

Matlamat komunis waktu itu ialah guna pertubuhan politik dan sivil ini untuk lawan British dan pada masa yang sama ia memasukkan jarumnya dengan tujuan melemahkan badan-badan gabungannya supaya ia menjadi pertubuhan terkuat.

Kalau tidak salah Kiau, inilah juga asal-usul Parti Komunis Indonesia (PKI). Ia bermula dengan penyusupan anasir komunis ke dalam pertubuhan pedagang Islam Indonesia, yang akhirnya berjaya dikuasai dan diubah menjadi PKI.

Kita semua tahu parti-parti pembangkang, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang terbabit dengan tunjuk perasaan baru-baru ini ibarat air dengan api.

Dasar dan tujuan yang berlainan. Mereka berlawan antara satu sama lain untuk dapat pengaruh. Mereka bergabung hanyalah kerana mereka ada satu

musuh yang lebih besar, tidak kiralah sama ada musuh itu kerajaan, Barisan Nasional, Umno atau Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dari dulu pun mereka tentang kerajaan dan bencikan Dr Mahathir. Mereka benci Dr Mahathir bukan sebab dia jahat atau tidak buat kerja. Mereka bencikan Dr Mahathir sebab dia kerja kuat dan bawa kemajuan yang besar kepada negara.

Apabila dia kerja kuat dan negara maju tentulah rakyat sokong kerajaan. Apabila rakyat sokong kerajaan, susahlah pembangkang hendak rebut kuasa. Tapi sebelum ini mereka tidak ada peluang atau alasan yang kuat untuk bergabung lawan kerajaan.

Apabila Timbalan Perdana Menteri disingkir dan dibicarakan atas tuduhan salah guna kuasa (rasuah) dan liwat, mereka tiba-tiba dapat satu alasan yang baik atau orang Perancis kata *raison d'etre* untuk bergabung dalam percubaan mereka merebut kuasa.

Dulu masa Timbalan Perdana Menteri dalam kerajaan dan jadi "putera mahkota", mereka kutuk beliau macam mereka kutuk orang lain juga, tapi sekarang mereka guna kes beliau untuk pancing undi.

Macam juga Barisan Bersatu Komunis, barisan pembangkang ini tidak teragak-agak langgar undang-undang. Pada beberapa tahun sebelum dan selepas merdeka, Barisan Bersatu Komunis inilah yang menjadi dalang kepada tunjuk perasaan ganas dan berdarah di Kuala Lumpur.

Penyokong bawahan barisan pembangkang dan rakyat jelata boleh jadi tidak sedar atau tahu mengenai persamaan di antara taktik yang digunakan oleh ketua-ketua pembangkang dengan taktik Barisan Bersatu Komunis.

Tapi Kiau yakin mereka bukanlah orang bebal yang tidak faham bahawa dalam proses demokrasi, keputusan bukanlah dibuat melalui tunjuk perasaan dan keganasan tapi melalui peti undi.

Malangnya pembangkang yang menang besar dalam pilihan raya tahun lalu masih tidak yakin dengan proses demokrasi. Mereka nampaknya lebih mirip kepada undang-undang rimba seperti yang jelas daripada tunjuk perasaan dan pelanggaran undang-undang yang mereka lakukan.

Kiau tak kata mereka komunis. Yang Kiau kata cara mereka ada iras dengan taktik Barisan Bersatu Komunis.

(END)